

# Lelaki berjudi dalam talian di tempat awam didenda

**MIRI:** Seorang lelaki didenda RM2,500 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan bermain judi dalam talian di tempat awam.

Hamidin Kula, 40, dari Sematan, Lundu, telah didakwa mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh ditahan pada jam 2.15 petang, 24 Ogos lalu di sebuah lot di Jalan North Yu Seng di sini oleh sepasukan anggota polis yang menjalankan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti perjudian jenis judi dalam talian.

Hasil pemeriksaan lanjut mendapati telefon bimbit milik tertuduh memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh ditangkap dan telefon bim-

bitnya dirampas sebagai barang kes.

Dalam rayuannya, tertuduh memohon hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya dan sudah berkahwin serta mempunyai dua orang anak dalam tanggungan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.